



**M MAJLIS RAMAH MESRA TIMBALAN MENTERI
SUMBER MANUSIA BERSAMA MEDIA**

12 OGOS 2017

**UCAPAN ALUAN:
YBHG DATO' IR. MOHTAR BIN MUSRI
KETUA PENGARAH
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN**

Disediakan oleh:

Sekretariat Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Assalamualaikum w.b.k.t , Salam Sejahtera dan Salam Negaraku
Malaysia.

(Mohon Rujuk Senarai Protokol)

1. Alhamdulillah, pada malam ini sama-sama kita dapat berkumpul di sini bagi **Majlis Ramah Mesra Timbalan Menteri Sumber Manusia Bersama Media.**
2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia** kerana sudi hadir bagi menyampaikan ucap tama seterusnya merasmikan majlis kita pada malam ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur atas kerjasama yang diberikan bagi memastikan kelancaran majlis ini. Saya berasa bangga kerana

pada malam ini, tuan/puan para pengamal media dapat hadir dan sesungguhnya komitmen yang ditunjukkan tuan/puan amatlah saya hargai dan tahniah diucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Penganjuran Majlis Ramah Mesra Timbalan Menteri Sumber Manusia Bersama Media ini adalah bertujuan untuk:

- I. **Menghargai sumbangan para pengamal media** dalam mempromosi dan menyebarkan amalan kerja selamat dan sihat kepada orang ramai amnya dan majikan dan pekerja khasnya;
- II. **Berkongsi maklumat dan informasi berkenaan Garispanduan Media Professional** selain menerangkan KKP kepada pengamal media;

- III. Mewujudkan jaringan Komunikasi Media (*media networking*) antara JKPP dengan pengamal media bagi menyampaikan maklumat terkini berkenaan isu-isu KKP

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia** dan semua dif jemputan dan tuan/puan para pengamal media di atas kesudian hadir ke Majlis Ramah Mesra Timbalan Menteri Sumber Manusia Bersama Media pada malam ini.
6. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada semua Ahli Jawatankuasa Penganjur iaitu Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan Negeri Pahang, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Jabatan Penerangan Negeri Pahang di atas komitmen dalam menjayakan majlis ini.

Sekian. Terima kasih.